

**Instruction: Answer FOUR (4) questions out of six (6).**

Support your answers with statutory provisions and case law.

**Question 1**

Free consent is one of the elements to a valid contract. There must be a meeting of the minds as to the nature and scope of the contract, termed as a consensus *ad idem*. Briefly explain four elements affecting the consent so as to render such contracts voidable.

(25 marks)

**Question 2**

Consider whether there is an agency in the following instances.

- (a) Mimi appointed Aliya as her sole agent and distributor to sell a brand of cosmetics and skin care products named SK22. It is also agreed that Aliya should pay for the products delivered monthly to her shop at 15% discount.

(7 marks)

- (b) Lo'lo' had given his car to Beebee who was supposed to help him find potential buyers but not to sell the car. However, Beebee took the liberty to sell the car to Ree Mau for RM55,000.00. Lo'lo' was not happy with the sale but he took the cheque anyway and deposited it into his bank account. Beebee is now demanding for his commission.

(8 marks)

- (c) The lorry carrying fish driven by Romeo heading towards Kuala Lumpur from Kuala Terengganu met with an accident in Kuantan. Romeo could not arrange for another transport to deliver the fish and unable to get in touch with the owner. Romeo then sold the fish to the villagers nearby.

(7 marks)

**Question 3**

- (a) Display of goods in a shop generally does not constitute a proposal to sell. The shopowner merely holds himself prepared to consider proposals made to him at the suggested price. Identify and explain the underlying concept in the statement.

(10 marks)

- (b) Mega intends to buy a cupboard from Syarikat Guntung Sdn. Bhd., a furniture supplier. Mega informed Syarikat Guntung Sdn. Bhd. that the cupboard was needed to keep her crockery, which she bought from London. She was advised by Syarikat Guntung to buy a teak cupboard imported from Indonesia. Acting on the advice, she bought the cupboard and after using it for a week, the racks in the cupboard collapsed and all the crockery were broken.

Advise Mega on what she should do under such situation.

(15 marks)

**Question 4**

The common remedy of an unpaid seller is to sue the buyer for the price or damages for non-acceptance. The Sale of Goods Act 1957 provides additional remedies in respect of the goods themselves, thereby conferring on the seller a greater degree of security.

Discuss the issues highlighted in this statement.

(25 marks)

**Question 5**

Alimun bought a car bearing registration number TAM10 from Gontoong Company on hire purchase. The total price is RM120,000.00 to be paid by 12 monthly instalments of RM10,000.00 per month. Two months later, Zomzom offered to buy the car from Alimun. Alimun agreed to assign it and asked for consent from Gontoong Company. The company refused to give their consent to such assignment, arguing that the car was specifically sold to Alimun due to his good relationship with Gontoong Company. Alimun is now in a serious financial difficulty and he wishes to return the car back to Gontoong Company due to his inability to pay the monthly instalments.

- (a) Advise Alimun on his right to assign the car to Zomzom  
(12 marks)
- (b) Advise Gontoong Company whether they can refuse the return of the car, which was badly damaged or whether they can recover any payment for any loss resulting from it.  
(13 marks)

**Question 6**

“Every partner is an agent of the firm and his other partners for the purpose of the business of the partnership”. (Section 7 of the Partnership Act 1961).

Discuss the above provision with respect of partners’ liabilities.

(25 marks)

**Arahan: Jawab EMPAT (4) soalan daripada enam (6).**

Sokong jawapan anda dengan peruntukan statut dan kes-kes perundangan.

**Soalan 1**

Persetujuan yang bebas merupakan salah satu elemen kontrak. Persetujuan berlaku apabila wujud persamaan fikiran mengenai satu perkara yang sama dan dalam pengertian yang sama (*consensus ad idem*). Terangkan secara ringkas empat elemen yang boleh menjejaskan persetujuan bebas tersebut yang menyebabkan sesuatu kontrak menjadi boleh batal.

(25 markah)

**Soalan 2**

Tentukan sama ada agensi wujud di dalam keadaan-keadaan berikut.

- (i) Mimi telah melantik Aliya sebagai agen dan pengedar tunggal untuk menjual barangan kosmetik dan penjagaan kulit berjenama SK22. Ianya telah dipersetujui bahawa Aliya akan membayar harga produk yang dihantar ke kedainya setiap bulan dengan diskaun 15%.

(7 markah)

- (ii) Lo'lo' telah memberikan keretanya kepada Beebee yang sepatutnya menolong mencari bakal pembeli dan bukan menjual kereta tersebut. Namun demikian, Beebee telah menjual kereta tersebut kepada Ree Mau dengan harga RM55,000.00. Lo'lo' tidak gembira dengan penjualan tersebut tetapi mengambil cek dan memasukkan ke dalam akaun banknya. Kini, Beebee menuntut komisyennya.

(8 markah)

- (iii) Lori muatan ikan yang dipandu oleh Romeo dari Kuala Terengganu menuju ke arah Kuala Lumpur telah mengalami kemalangan di Kuantan. Romeo tidak dapat menguruskan kenderaan lain untuk membawa muatan ikan tersebut dan juga tidak dapat menghubungi pemilik ikan. Romeo kemudiannya menjual ikan tersebut kepada penduduk kampung yang berhampiran.

(7 markah)

**Soalan 3**

- (a) Pada umumnya, pameran barangan di dalam kedai tidak membentuk satu tawaran menjual. Pemilik kedai hanyalah bersiap sedia untuk menimbang tawaran yang dibuat kepadanya pada harga yang dicadangkan. Kenalpasti dan jelaskan konsep yang terkandung di dalam pernyataan ini.

(10 markah)

- (b) Mega bercadang untuk membeli sebuah almari daripada Syarikat Guntung Sdn. Bhd., pembekal perabut. Mega memberitahu kepada Syarikat Guntung bahawa almari itu diperlukan untuk menyimpan pinggan mangkuk yang dibeli dari London. Mega telah dinasihatkan oleh Syarikat Guntung supaya membeli sebuah almari jati yang diimpot dari Indonesia. Atas nasihat itu, Mega membeli almari tersebut dan setelah menggunakan almari tersebut selama seminggu, rak-rak di dalamnya telah patah dan semua pinggan mangkuknya pecah.

Nasihatkan Mega apa yang patut beliau lakukan di dalam situasi ini.

(15 markah)

**Soalan 4**

Remedi biasa kepada penjual yang tidak dibayar adalah menuntut bayaran harga tersebut atau mendapatkan gantirugi sekiranya barang itu tidak diterima. Akta Jualan Barang-Barang 1957 memperuntukkan remedi tambahan terhadap barang-barang itu sendiri, dimana ianya memberi jaminan yang lebih kukuh kepada penjual.

Bincangkan isu yang diketengahkan dalam pernyataan ini.

(25 markah)

**Soalan 5**

Alimun membeli sebuah kereta yang mempunyai nombor pendaftaran TAM10 daripada Syarikat Gontoong secara sewa beli. Jumlah harga kereta tersebut ialah RM120,000.00 yang perlu dibayar secara 12 bulan ansuran sebanyak RM10,000.00 sebulan. Dua bulan kemudian, Zomzom menawarkan untuk membeli kereta itu daripada Alimun. Alimun bersetuju untuk menyerahhak dan meminta kebenaran daripada Syarikat Gontoong. Syarikat Gontoong tidak mahu memberi kebenaran ke atas penyerahanhak itu dengan alasan kereta itu dijual khas kepada Alimun atas dasar hubungan baik di antara Alimun dengan Syarikat

Gontoong. Kini, Alimun menghadapi masalah kewangan yang serius dan dia ingin memulangkan kereta itu kembali kepada Syarikat Gontoong memandangkan beliau tidak lagi mampu membayar ansuran bulanan.

- (a) Nasihatkan Alimun mengenai hak beliau untuk menyerahkan kereta kepada Zomzom.

(12 markah)

- (b) Nasihatkan Syarikat Gontoong sama ada mereka boleh menolak pemulangan kereta itu yang telah rosak dengan teruk atau sama ada syarikat tersebut berhak mendapat gantirugi diatas kerosakan tersebut.

(13 markah)

### **Soalan 6**

“Setiap rakan kongsi merupakan agen kepada firma dan rakan kongsi yang lain bagi urusan perniagaan sesuatu perkongsian”. (Seksyen 7 Akta Perkongsian 1961).

Bincangkan peruntukan di atas berhubung dengan liabiliti rakan kongsi.

(25 markah)

*- Kertas Soalan Tamat-*